Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi Malaysia meningkat sebanyak 6.2% pada suku ketiga.**
- **Inflasi keseluruhan menurun kepada 3.8% disebabkan terutamanya oleh harga purata bahan api domestik yang lebih rendah. Inflasi teras kekal stabil pada 2.5%.**
- **Lebihan akaun semasa meningkat kepada 3.7% daripada PNK. Ini disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih besar telah mengimbangi defisit lebih tinggi dalam akaun pendapatan.**

Ekonomi Malaysia berkembang 6.2% pada suku ketiga 2017

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 6.2% pada suku ketiga 2017 (S2 2017: 5.8%). Perbelanjaan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Sektor luaran juga menyumbang kepada pertumbuhan hasil daripada pengembangan eksport benar yang lebih pantas (11.8%; S2 2017: 9.6%), berikutan permintaan lebih kukuh daripada rakan perdagangan utama Malaysia. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat 1.8% (S2 2017: 1.3%).

Permintaan dalam negeri dipacu sektor swasta

Permintaan dalam negeri meningkat 6.6% pada suku ketiga 2017 (S2 2017: 5.7%), disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta (7.3%; S2 2017: 7.2%) dan perbelanjaan sektor awam (4.1%; S2 2017: 0.2%).

Penggunaan swasta meningkat 7.2% (S2 2017: 7.1%), berikutan keadaan pasaran pekerja yang lebih baik. Khususnya, upah sektor swasta terus mampan dalam keadaan penambahan peluang pekerjaan.

Pertumbuhan lebih kukuh pada S3 2017

Rajah 4: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan swasta meningkat dengan lebih kukuh pada kadar 7.9% (S2 2017: 7.4%) terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Dalam sektor perkilangan, perbelanjaan modal oleh subsektor berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri lebih tinggi pada suku itu. Sentimen perniagaan juga lebih optimistik sejajar keadaan permintaan luar dan dalam negeri yang menggalakkan.

Permintaan Sektor Swasta Terus Menjadi Pemacu Utama Pertumbuhan

Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan Modal Tetap Kasar Berkembang Pada Kadar yang Lebih Pesat

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



*Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan dan penanaman modal

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan awam terus berkembang sebanyak 4.2% (S2 2017: 3.3%) berikutan kadar pertumbuhan emolumen yang lebih cepat dalam keadaan perbelanjaan yang lebih berhemat untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pelaburan awam kembali pulih dan mencatat pertumbuhan positif 4.1% pada suku ketiga (S2 2017: -5.0%). Pertumbuhan disumbangkan oleh perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat awam yang lebih tinggi untuk aset tetap.

Pertumbuhan pembentukan modal tetap kasar (PMTK) lebih tinggi sebanyak 6.7% (S2 2017: 4.1%). Peningkatan ini didorong oleh pelaburan swasta yang lebih tinggi dan pemulihan pelaburan awam yang menghasilkan pertumbuhan positif. Dari segi jenis aset, perbelanjaan modal untuk jentera dan kelengkapan meningkat dengan ketara kepada 11.5% (S2 2017: 4.4%). Sebaliknya, pelaburan untuk struktur meningkat dengan lebih sederhana pada 3.6% (S2 2017: 5.1%). Pelaburan dalam aset lain juga mencatat kenaikan kepada 7.2% (S2 2017: -3.7%).

Semua sektor ekonomi terus berkembang

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh pengembangan berterusan dalam kesemua sektor ekonomi.

Sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi pada suku ketiga 2017. Pertumbuhan subsektor perdagangan borong & runcit telah disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang berterusan. Subsektor maklumat dan komunikasi kekal kukuh, dipacu oleh permintaan lebih tinggi untuk perkhidmatan komunikasi data, manakala subsektor pengangkutan dan penyimpanan mendapat manfaat daripada aktiviti perdagangan yang teguh.

Kadar pertumbuhan sektor perkilangan lebih pantas pada suku ketiga, disokong oleh peningkatan menyeluruh dalam industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri. Industri berorientasikan eksport mendapat manfaat daripada permintaan global yang kukuh untuk separa konduktor dan juga aktiviti penapisan produk petroleum yang lebih tinggi. Industri berorientasikan pasaran dalam negeri disokong oleh permintaan yang berterusan untuk produk berkaitan makanan dan pembinaan, serta pertumbuhan lebih tinggi bagi kelengkapan pengangkutan yang dipacu terutamanya oleh alat ganti kenderaan dan aktiviti pembinaan kapal.

Hasil pengeluaran gas asli yang lebih tinggi, terutamanya di Sabah dan Sarawak, telah menjadikan pertumbuhan sektor perlombongan lebih kukuh pada suku ketiga. Namun demikian, pertumbuhan sektor pertanian pula lebih sederhana. Hal ini mencerminkan terutamanya pengeluaran getah dan minyak sawit mentah yang lebih rendah akibat keadaan cuaca yang buruk.

Pertumbuhan sektor pembinaan pada suku ketiga menjadi sederhana, disebabkan terutamanya oleh aktiviti subsektor bukan kediaman dalam segmen kecil komersial yang lebih perlahan.

Pertumbuhan lebih tinggi merentasi kebanyakan sektor ekonomi

Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal penyumbang utama kepada pertumbuhan

Rajah 8: Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi lebih rendah disebabkan oleh penurunan inflasi pengangkutan

Rajah 9: Inflasi Keseluruhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi secara amnya kekal stabil

Rajah 10: Rebakan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan menurun sedikit disebabkan inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah

Inflasi keseluruhan[1] menurun kepada 3.8% pada suku ketiga 2017 (S2 2017: 4.0%), disebabkan terutamanya oleh inflasi *pengangkutan* yang lebih rendah pada 11.7% (S2 2017: 13.4%). Walaupun harga bahan api domestik meningkat pada suku ketiga disebabkan oleh kenaikan harga minyak dunia, purata harganya pada suku ketiga adalah lebih rendah berbanding dengan suku kedua (petrol RON95 pada S3 2017: RM2.09 seliter; S2 2017: RM2.10 seliter). Faktor luputnya kesan daripada pelarasan kenaikan caj TV satelit juga menyumbang kepada inflasi yang lebih rendah pada suku itu. Walau bagaimanapun, inflasi *sewa* dan *barang-barang isi rumah tidak tahan lama* meningkat pada suku tersebut. Inflasi *sewa* meningkat kepada 2.9% (S2 2017: 2.7%), walaupun kenaikan hanya terhad di kawasan dan jenis harta tertentu. Inflasi *barang-barang isi rumah tidak tahan lama* juga naik kepada 3.8% (S2 2017: 1.8%), berikutan kesan limpahan kos input yang lebih besar.

Inflasi teras stabil pada 2.5% pada suku ketiga. Peratusan barangan dalam bakul IHP yang kadar inflasinya melebihi 2%, pada amnya tidak berubah (S3 2017: 34%; S2 2017: 33%).

[1] Seperti diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP).

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik

Pada suku ketiga 2017, keadaan pasaran pekerja terus menyokong pertumbuhan. Pertumbuhan upah swasta kekal pada 7.3% (S2 2017: 7.3%), manakala pertumbuhan jumlah pekerjaan naik sedikit (2.0%; S2 2017: 1.8%). Pengembangan tenaga kerja secara relatif setara dengan jumlah penambahan pekerjaan bersih, lantas kadar pengangguran kekal tidak berubah pada 3.4% (S2 2017: 3.4%). Permintaan untuk pekerja juga bertambah baik apabila jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan di sebuah laman sesawang carian pekerjaan yang utama meningkat kepada 68,794 jawatan pada suku ketiga (S2 2017: 65,478 jawatan).

Upah sektor swasta yang mampan didorong oleh kenaikan upah dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pertumbuhan upah sektor perkhidmatan sebanyak 5.9% (S2 2017: 5.6%), disokong oleh kekukuhan subsektor ICT serta pengangkutan dan penyimpanan. Peningkatan upah dalam sektor perkilangan kekal dalam lingkungan dua angka untuk dua suku tahunan berturut-turut. Upah dalam sektor itu meningkat 10.6% (S2 2017: 11.2%).

Prestasi sektor luaran teguh

Pada suku ketiga 2017, eksport kasar berkembang lebih pantas pada kadar 22.1% (S2 2017: 20.5%). Prestasi yang teguh ini mencerminkan terutamanya eksport perkilangan yang kukuh pada kadar dua angka. Berikutan eksport mengatasi import, lebihan perdagangan meningkat kepada RM26.7 bilion (S2 2017: RM24.1 bilion).

Eksport perkilangan yang kukuh disokong oleh peningkatan permintaan daripada kebanyakan rakan perdagangan utama Malaysia, terutamanya negara serantau, EU dan AS. Yang jelas, permintaan global yang kukuh untuk produk separa konduktor terus memberikan manfaat kepada eksport E&E.

Kadar pengangguran dan upah sektor swasta stabil

Rajah 11: Penunjuk Pasaran Pekerja



* Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data ini meliputi 62% daripada jumlah perkejaan.
r Disemak semula

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport dipacu oleh eksport pembuatan

Rajah 12: Eksport Kasar Mengikut Produk



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport juga menyeluruh merentas pasaran

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Pasaran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import kasar kukuh, terutamanya dalam barangan pengantara dan import untuk dieksport semula

Rajah 14: Import Kasar Mengikut Produk



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport perkilangan berasaskan sumber juga meningkat dengan lebih pantas, didorong sebahagian besarnya oleh eksport keluaran petroleum yang lebih kukuh ke pasaran serantau. Eksport perkilangan bukan berasaskan sumber juga berkembang dengan lebih cepat. Ini kebanyakannya disebabkan oleh peningkatan eksport logam dan jentera, serta kelengkapan. Eksport komoditi adalah sederhana dan ini disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih rendah dan pengurangan pengeluaran minyak mentah.

Pertumbuhan import kasar terus kukuh (S3 2017: 19.8%; S2 2017: 19.0%), hasil daripada import barangan pengantara yang terus meningkat serta import barangan penggunaan dan barangan untuk eksport semula. Peningkatan ini sejajar dengan prestasi eksport perkilangan yang teguh dan permintaan dalam negeri yang terus mantap. Pertumbuhan import barangan modal tidak berubah, mencerminkan terutamanya kesan asas yang tinggi berikutan penghantaran sebuah kapal gas asli cecair yang besar pada Julai 2016. Tidak termasuk penghantaran ini, import barangan modal berkembang pada kadar yang lebih cepat, selaras dengan aktiviti pelaburan yang lebih giat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Lebihan akaun semasa meningkat

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM12.5 bilion pada suku ketiga 2017 (S2 2017: RM9.6 bilion). Jumlah ini mencakupi 3.7% daripada PNK (S2 2017: 3.0% daripada PNK). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih besar, yang telah mengimbangi defisit yang lebih besar dalam akaun pendapatan, serta defisit akaun perkhidmatan yang tidak berubah.

Lebihan akaun barangan meningkat kepada RM31.7 bilion[2] pada S3 2017 (S2 2017: RM27.0 bilion), apabila eksport berkembang dengan lebih pantas. Import barangan pengantara dan modal pula menjadi sederhana berbanding dengan suku kedua 2017. Defisit akaun perkhidmatan pada amnya kekal pada paras RM4.9 bilion (S2 2017: -RM5.0 bilion). Akaun perjalanan mencatat lebihan yang lebih besar sebanyak RM9.2 bilion, hasil daripada pertambahan jumlah ketibaan pelancong dan perbelanjaan mereka semasa penganjuran beberapa sukan utama pada suku itu. Prestasi akaun perjalanan yang bertambah baik ini, bagaimanapun, telah diimbangi sebahagiannya oleh defisit yang lebih besar dalam perkhidmatan pembinaan (S3 2017: -RM3.3 bilion; S2 2017: -RM2.4 bilion). Hal ini mencerminkan terutamanya penerimaan lebih rendah daripada perkhidmatan berkaitan pembinaan memandangkan beberapa projek pembinaan di Qatar dan India hampir siap.

Defisit lebih tinggi dalam akaun pendapatan primer pada S3 2017 (-RM8.6 bilion; S2 2017: -RM8.2 bilion) sebahagian besarnya disebabkan oleh pendapatan lebih rendah beberapa firma Malaysia yang melabur di luar negeri (RM11.4 bilion; S2 2017: RM12.4 bilion). Pendapatan yang diterima pelabur asing di Malaysia kekal tinggi (-RM18.9 bilion; S2 2017: -RM19.4 bilion).

Defisit akaun pendapatan sekunder menjadi lebih besar pada RM5.7 bilion (S2 2017: -RM4.2 bilion). Pengiriman wang ke luar bertambah (RM9.5 bilion; S2 2017: -RM8.7 bilion) disebabkan oleh pengiriman wang keluar oleh pekerja asing di negara ini. Sebaliknya, pengiriman wang ke Malaysia lebih rendah (RM3.8 bilion; S2 2017: RM4.4 bilion).

Lebihan akaun semasa meningkat

Rajah 15: Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Perbezaan antara lebihan akaun barangan dengan lebihan akaun perdagangan adalah berdasarkan pengecualian untuk barangan yang diproses, penyimpanan dan pengagihan dalam akaun barangan seperti terkandung dalam manual *Balance of Payments and International Investment Position* (BPM6), Edisi Keenam oleh IMF

DIA disalurkan terutamanya ke dalam sub-sektor kewangan manakala FDI agak meluas merentas sektor

Rajah 16: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor (S3 17)



Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk kepada aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk kepada aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan portfolio disumbangkan oleh pemastautin

Rajah 17: Pelaburan Portfolio mengikut Pemastautin



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih

Pada suku ketiga 2017, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM1.2 bilion (S2 2017: aliran masuk bersih RM7.3 bilion). Keadaan ini disebabkan aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) jangka panjang yang lebih tinggi dan aliran masuk asing yang berterusan ke dalam aset portfolio domestik telah diimbangi pelaburan portfolio di luar negeri pemastautin serta aliran keluar yang berpunca daripada operasi mudah tunai dan operasi pengurusan perbendaharaan bank.

Akaun pelaburan langsung kembali pulih dan seterusnya mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM6.2 bilion (S2 2017: aliran keluar bersih sebanyak RM7.1 bilion). Ini berlaku apabila aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) melebihi aliran keluar pelaburan langsung luar negeri (DIA) pada suku itu. FDI meningkat kepada RM11.2 bilion (S2 2017: aliran masuk bersih RM8.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti dan pelaburan semula pendapatan yang lebih tinggi daripada syarikat induk. Aliran masuk FDI disalurkan terutamanya ke dalam subsektor *aktiviti harta tanah*, diikuti sektor *perlombongan* dan *perkilangan*. DIA oleh syarikat Malaysia merosot kepada RM5 bilion (S2 2017: aliran keluar bersih sebanyak RM15.4 bilion), disebabkan oleh suntikan modal dan pendapatan tertahan subsidiari di luar negeri untuk pelaburan semula, yang lebih rendah. Aliran keluar DIA disalurkan terutamanya ke dalam subsektor *perkhidmatan kewangan* dan sektor *perkilangan*.

Akaun pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM5.1 bilion (S2 2017: aliran masuk bersih sebanyak RM16 bilion). Pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM3.7 bilion (S2 2017: aliran masuk bersih RM18.8 bilion). Pertumbuhan eksport yang terus kukuh dan prestasi ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan terus menarik pelabur asing ke dalam pasaran kewangan domestik. Walau bagaimanapun, aliran masuk ini sebahagiannya diimbangi oleh Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) yang matang pada suku itu. Sementara itu, pelaburan portfolio pemastautin mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM8.8 bilion (S2 2017: aliran keluar bersih sebanyak RM2.8 bilion), disebabkan pelaburan yang berterusan dalam ekuiti dan sekuriti hutang di luar negara oleh pengurus dana dan institusi kewangan tempatan.

Akaun pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM3.3 bilion (S2 2017: aliran keluar bersih sebanyak RM1.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh mata wang dan deposit institusi kewangan asing dalam sistem perbankan domestik, telah mencapai tempoh matangnya.

Berikutan perkembangan tersebut, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM2.9 bilion pada suku ketiga (S2 2017: lebihan sebanyak RM2.7 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E&O), termasuk perubahan penilaian semula ke atas rizab, berjumlah -RM8.5 bilion atau -1.9% daripada jumlah perdagangan.

Hutang luar negeri kekal terurus

Hutang luar negeri Malaysia berkurang sedikit kepada RM873.8 bilion, bersamaan dengan USD204.7 bilion atau 65.0% daripada KDNK pada akhir bulan September 2017 (akhir bulan Jun 2017: RM877.5 bilion atau USD202.3 bilion). Hutang luar negeri yang lebih rendah ini sebahagian besarnya mencerminkan pembayaran balik peminjaman antara bank yang cukup tempoh dan kesan penilaian berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama terpilih dan serantau pada suku ketiga. Keadaan ini telah lebih daripada mengimbangi, khususnya, kenaikan pemegangan sekuriti hutang domestik dan deposit bukan pemastautin, serta liabiliti hutang lain.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus dari segi profil mata wang dan tempoh matang, dan juga tersedianya aset luaran yang besar. Lebih satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam ringgit (34.0%), kebanyakannya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik dan deposit ringgit oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan domestik. Oleh itu, liabiliti ini tidak tertakluk kepada perubahan penilaian yang berpunca daripada turun naik kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM577.0 bilion (66.0%) adalah dalam mata wang asing (foreign currency, FC) dan kebanyakannya merupakan hutang institusi perbankan dan syarikat (97.1% daripada jumlah peminjaman FC). Hutang ini tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat dan perlu dilindung nilai. Sebahagian besar daripada obligasi hutang ini terdiri daripada peminjaman luar pesisir, terutamanya untuk mengembangkan kapasiti produktif dan mengurus

Hutang luar negeri lebih rendah pada S3 2017

Rajah 18: Perubahan Dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan Bersih[1]: -RM3.7 bilion



[1] Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian semula kadar pertukaran
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kira-kira separuh daripada hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai dan terma yang fleksibel

Rajah 19: Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (% keseluruhan)



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan and faedah belum bayar untuk bon dan nota

Sumber: Bank Negara Malaysia

sumber kewangan dalam kumpulan syarikat dengan lebih baik. Pada akhir bulan September 2017, peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 36.8% daripada KDNK berbanding dengan 60.0% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia.

Daripada jumlah hutang luar negeri dalam FC (meliputi kesan penilaian), lebih satu pertiga (atau RM204.7 bilion) merupakan peminjaman antara bank dan deposit mata wang asing dalam sistem perbankan domestik. Ini sebahagian besarnya mencerminkan pengurusan mudah tunai antara kumpulan bank dan penempatan deposit daripada entiti induk asing, yang tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai berhemat. Antaranya ialah had dalaman bagi pendanaan dan ketidakpadanan tempoh matang. Ini diikuti oleh bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM161.6 bilion pada akhir bulan September 2017, terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri untuk menjana pendapatan akan datang. Pinjaman antara syarikat biasanya tertakluk kepada terma yang fleksibel dan kadar faedah yang lebih rendah, seperti tiada jadual pembayaran balik yang tetap atau pada kadar faedah yang rendah.

Dari perspektif tempoh matang, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri menjurus kepada tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (56% daripada jumlah hutang luar negeri). Hal ini menyarankan bahawa risiko pembiayaan semula adalah terhad. Penting untuk diketahui bahawa liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing secara berperingkat telah menyebabkan desentralisasi rizab antarabangsa yang lebih ketara. Ini dicerminkan oleh pemerolehan aset luar negeri oleh bank dan syarikat pemastautin, yang khususnya menjadikan mereka pemegang kira-kira tiga perempat daripada aset luar negeri Malaysia (pada akhir S3 2017: RM1.3 trilion). Jumlah ini boleh digunakan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri (pada akhir S3 2017: RM664.5 bilion), tanpa menimbulkan tuntutan ke atas rizab antarabangsa. Pada 31 Oktober 2017, rizab antarabangsa ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek dan memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh.